



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/02/34 (HQ)

TNB LANTIK BAHARIN DIN SEBAGAI PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BERKUATKUASA 1 MAC 2021

Lembaga Pengarah **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** hari ini melantik Datuk Ir. Baharin bin Din sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB yang baharu, berkuatkuasa 1 Mac 2021.

Baharin menggantikan Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, yang telah dilantik Kementerian Kewangan untuk mengetuai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya, berkuatkuasa 1 Mac 2021. Beliau telah berkhidmat sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB sejak April 2019.

Baharin kini berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian, bertanggungjawab menerajui bahagian perniagaan paling besar di TNB. Beliau telah berkhidmat selama 36 tahun di TNB, bermula 1985 sebagai pembantu jurutera (pembinaan). Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Elektrikal daripada Syracuse University dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Bond University di Sydney.

“Barisan Lembaga Pengarah ingin merakamkan penghargaan kepada Datuk Seri Amir Hamzah atas sumbangan khidmatnya. Sepanjang tempoh perkhidmatannya, beliau gigih meningkatkan ketelusan dan tadbir urus korporat, selain mempertingkatkan kecekapan organisasi sebagai sebahagian daripada mandatnya. Kami mengucapkan selamat maju jaya dalam usaha beliau meneruskan perkhidmatan kepada negara dalam peranan yang baharu,” kata Pengerusi TNB, Dato’ Seri Mahdzir Khalid.

“Kami juga ingin mengucapkan tahniah kepada Datuk Baharin atas pelantikannya. Saya yakin beliau akan terus memacu TNB ke arah mencapai aspirasi strategik untuk menjadi pembekal terunggul bagi solusi tenaga mampan di Malaysia dan peringkat antarabangsa. Beliau memiliki pengalaman yang luas dan sentiasa memberi tumpuan untuk mencapai agenda pertumbuhan TNB yang hebat,” kata Dato’ Seri Mahdzir Khalid.

Sepanjang tempoh dua tahun lalu TNB berjaya menyempurnakan beberapa inisiatif utama berpandukan pelan strategiknya, termasuk melengkapkan usaha transformasi seperti penubuhan bahagian Penjanaan dan Retail sebagai subsidiari bebas, dan melengkapkan pemerolehan strategik aset tenaga boleh baharu di luar negara.

“Meskipun berdepan dengan cabaran disebabkan pandemik Covid-19 dan PKP, TNB kekal beroperasi dengan stabil dan mencatatkan prestasi kewangan yang membanggakan dengan pulangan yang baik kepada pemegang sahamnya. Saya dan ahli Lembaga Pengarah yang lain berharap organisasi ini akan terus maju di bawah teraju kepimpinan Datuk Baharin,” kata Dato’ Seri Mahdzir.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 10 Februari 2021, jam 2:15 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my